



MAJLIS DAERAH PADANG TERAP
06300 Kuala Nerang, Kedah Darul Aman
TEL : 04-7901200 / 04-7866328
FAKS : 04-7866639
E-MAIL : mdptk@mdptk.gov.my

**JABATAN KESIHATAN
PERSEKITARAN**
BAHAGIAN PELESENAN

**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PUSAT HIBURAN – KELAB MALAM / PUB /
DISKO / PUSAT ISTIREHAT / PUSAT HIBURAN KELUARGA / KARAOKE**

1. Semua Pusat Hiburan hendaklah menghadkan operasi bermula pada jam 9.00 pagi sehingga jam 1.00 pagi (Hari Biasa) dan jam 9.00 pagi sehingga 2.00 pagi (Hari Sabtu sahaja) dan operasi perlu dibehentikan pada setiap khamis.
2. Pengunjung di bawah umur 18 tahun tidak dibenarkan memasuki mana-mana Pusat Hiburan kecuali Pusat Hiburan Keluarga dan perlu disertai ibu bapa atau penjaga yang sah.
3. Mematuhi semua syarat-syarat di dalam Enakmen Hiburan & Tempat-tempat Hiburan Negeri Kedah dan Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan atau mana-mana peraturan yang berkaitan.
4. Pihak berkuasa boleh membatalkan lesen ini pada bila-bila masa jika berlaku mana-mana pelanggaran syarat atau sekatan lesen ini atau mana-mana peruntukan Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan Negeri Kedah dan Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan atau mana-mana peraturan yang berkaitan dibuat di bawahnya.
5. Tiada hiburan berbentuk lucah dan ganas boleh diadakan di tempat hiburan.
6. Tidak dibenarkan mana-mana orang yang membawa masuk, mengedar, menjual, mengambil dan menghisap dadah atau bahan terlarang di tempat hiburan.
7. Tiada bir atau minuman yang memabukkan dihidangkan atau diminum di dalam tempat hiburan melainkan suatu lesen minuman keras telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.
8. Memastikan tiada sebarang pertaruhan, loteri atau perjudian diadakan.
9. Tidak dibenarkan mana-mana orang yang membawa apa-apa senjata di dalam apa jua bentuk di dalam tempat hiburan.
10. Pusat hiburan mestilah menutup tempat kepada semua pelanggan dan menamatkan segala aktiviti termasuk aktiviti jualan minuman, makanan dan muzik tepat pada masa tutup yang ditetapkan.
11. Semua pencahayaan mestilah ditutup pada waktu operasi tamat.
12. Notis hendaklah dipamerkan di pintu masuk sebelah luar. Contoh Notis "Orang yang berumur di bawah 18 tahun dilarang masuk".

13. Pusat karaoke yang mempunyai bilik-bilik khas atau sekatan-sekatan di dalamnya perlu mendapatkan kelulusan pengubahsuaian dari Jabatan Bangunan, pintu hendaklah mempunyai cermin dinding kalis bunyi. Pintu tidak boleh berkunci sepanjang masa beroperasi.
14. Jarak kedudukan premis mestilah di kawasan yang telah di zonkan dan tidak kurang dari 100 meter dari sekolah, institusi pendidikan, kawasan perumahan, institusi agama, kompleks kerajaan atau lain-lain kawasan yang dianggap sensitif oleh MDPT.
15. **TIADA** Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) dibenarkan di dalam premis hiburan.
16. Lain-lain sekatan dan syarat yang dikemukakan oleh pihak MDPT dari semasa ke semasa.
17. Tidak dibenarkan merokok di dalam pusat hiburan.
18. Penggunaan CCTV di dalam premis dan di luar premis.
19. Pengunjung perlu memakai pakaian yang sopan di pusat hiburan.